

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah usaha mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan selamat pasca COVID-19 ke pasaran antarabangsa sesuai dengan kajian daripada TripAdvisor di mana 91% responden ingin memastikan sanitasi yang kerap di kawasan awam, 90% ingin informasi COVID-19 yang tepat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dalam usaha untuk kembali merancakkan industri pelancongan negara selepas terjejas teruk akibat penularan COVID-19 sentiasa menerokai cara-cara kreatif untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan antarabangsa yang selamat. Ini bagi menepati kehendak dan keinginan pelancong mahukan destinasi yang sedia menawarkan tahap keselamatan serta kebersihan yang tinggi, disamping penyaluran maklumat yang terkini dan tepat mengenai situasi semasa.

2. Dalam memenuhi objektif ini dan merangka program pemulihan pelancongan yang efektif, MOTAC melalui beberapa siri konsultasi dengan penggiat industri pelancongan telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan (PPP). Antara fokus PPP adalah memberikan keutamaan kepada digitalisasi proses perniagaan pelancongan melalui aplikasi teknologi tanpa sentuhan yang selamat dan lancar seperti pembayaran tanpa tunai, tempahan dalam talian, transaksi tanpa sentuhan, daftar masuk tanpa kontak dan program promosi dan pemasaran secara dalam talian.

3. Selain daripada pembangunan SOP dan juga penjagaan kebersihan seperti keperluan sanitasi dan sebagainya, PPP juga menggariskan pelan tindakan untuk mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada rakyat tempatan termasuk petugas-petugas barisan hadapan sektor pelancongan di seluruh negara.

4. Dalam hal ini, MOTAC antara lain telah melancarkan *Kempen Promosi Rindu Melancong?, Jom Vaksin Dulu!* sebagai usaha berterusan Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk mendaftar di bawah Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan secara sukarela. Kempen vaksinasi ini telah mendapat liputan media

antarabangsa yang melaporkan Malaysia sebagai negara yang berjaya menjalankan program vaksinasi dengan pantas.

5. PPP turut memberi fokus untuk mengembalikan keyakinan orang awam untuk melancong sambil menyesuaikan diri dengan norma baharu seperti pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) dan mengutamakan keselamatan, kebersihan dan kesihatan yang seterusnya akan memberikan persepsi yang positif kepada pelancong antarabangsa. Bagi tujuan ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya menjalankan kerjasama dengan penggiat industri dalam menerapkan SOP serta amalan kebersihan dan sanitasi yang baik di premis perniagaan adalah seperti Program Pensijilan *Clean & Safe Malaysia* bersama Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan Program Pensijilan *Travel Safe* bersama *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA).

6. Pada masa yang sama, *Malaysia Convention & Exhibition Bureau* (MyCEB) turut bekerjasama dengan *Business Events Council Malaysia* (BECM) dan Persatuan Konvensyen dan Pameran Malaysia (MACEOS) dalam membangunkan *MySafe BE Planner* yang merupakan garis panduan bagi memberikan keyakinan kepada penganjur acara dan delegasi atau peserta acara perniagaan antarabangsa yang bercadang menganjurkan program mereka di Malaysia.

7. Melalui pelaksanaan PPP ini juga, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai destinasi bagi Projek Rintis Gelembung Perjalanan Domestik bermula 16 September 2021. Berdasarkan statistik dari Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), sehingga 10 Disember 2021, seramai 512,661 orang pengunjung telah melancong ke Langkawi. Jumlah ini melangkaui sasaran awal 400,000 pelancong ke Langkawi menjelang 31 Disember 2021.

8. Kaji selidik pelancongan domestik yang dijalankan oleh Tourism Malaysia yang dijalankan di Langkawi dari 30 September hingga 6 Oktober 2021 bersempena pembukaan semula Langkawi kepada pelancong domestik bermula 16 Sept 2021 mendapati majoriti responden mempunyai

NO. SOALAN : 262

keyakinan tinggi untuk melancong dalam keadaan berjaga-jaga susulan kewujudan pembangunan dan penguatkuasaan SOP yang baik dalam mengurangkan risiko penularan COVID-19. Kejayaan projek rintis ini telah menjadi penanda aras bagi pembukaan Langkawi kepada pasaran antarabangsa bermula 15 November 2021.

9. Promosi, libat urus dan perkongsian terhadap inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan di pasaran antarabangsa secara berterusan boleh memberi keyakinan kepada rakan-rakan pelancongan antarabangsa bahawa Malaysia komited ke arah mempersiapkan negara sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang selamat untuk dilawati dan bersedia untuk menerima semula kehadiran pelancong asing.

Sekian, terima kasih.